

13 Oktober, 1981

Keputusan muktamad MB Perlis hari ini

KUALA LUMPUR, Isnin — Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan berkata hari ini keputusan muktamad beliau sama ada akan meletakkan jawatannya akan dibuat dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir esok.

Beliau memberitahu demikian selepas menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Beliau enggan mengulas sama ada dalam pertemuan selama setengah jam itu rancangannya untuk bersara dari politik dan soal penggantinya dibincangkan seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan.

"Segala perbincangan adalah sulit dan saya perlu menghormati Datuk Seri Dr. Mahathir ke-

rana adalah wajar beliau selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO mengumumkan sama ada saya akan meletakkan jawatan," tambah beliau.

Datuk Jaafar kini sedang cuti sakit selama dua bulan setelah menjalani pembedahan saluran ke jantung di London pertengahan tahun ini. Cutinya berakhir 1 November ini. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia